

PENCALONAN ANUGERAH SASTERA NEGARA KE-14



Bahawa dengan ini diumumkan Kerajaan Malaysia akan mengurniakan Anugerah Sastera Negara kepada sasterawan yang telah memberikan sumbangan yang cemerlang dan berterusan dalam perkembangan kesusasteraan tanah air.

Anugerah ini bererti Penghargaan dan Penghormatan Negara yang diberikan dan dinyatakan dalam bentuk:

- Warkah Penghormatan Negara.
- Wang tunai RM60 000.00.
- Penerbitan sebanyak 50 000 naskhah buku atau nilai harga buku berjumlah maksimum RM500 000.00 untuk dibeli oleh kerajaan dan disebar dengan luasnya ke sekolah, perpustakaan, jabatan dan agensi kerajaan.
- Kemudahan perubatan percuma dalam wad kelas satu di mana-mana hospital kerajaan.
- Kemudahan untuk kegiatan mencipta karya sastera.
- Kemudahan untuk penerbitan karya.
- Penterjemahan karya yang sesuai ke dalam bahasa asing.

Maka dengan ini, Panel Anugerah Sastera Negara mempelawa institusi dan badan yang sah dan berdaftar dan juga individu yang berwibawa dalam bidang sastera mengemukakan calon yang layak dipertimbangkan untuk menerima anugerah tersebut.

Peraturan dan syarat pencalonan:

1. Pencalonan hendaklah dikemukakan dengan menggunakan borang pencalonan.
2. Pencalonan boleh dikemukakan oleh badan atau institusi yang sah dan berdaftar dan juga individu berwibawa dalam bidang sastera.
3. Syarat mengemukakan pencalonan:
 - (a) Pencalon hendaklah mengemukakan satu nama sahaja.
 - (b) Pencalon hendaklah mengemukakan hujah secara bertulis berdasarkan:
 - (i) Penilaiannya tentang karya sastera yang dihasilkan oleh calon (lampirkan senarai karya calon) tersebut.
 - (ii) Penilaiannya tentang sumbangan fikiran calon yang berkaitan dengan dunia sastera.
 - (iii) Penilaiannya tentang kegiatan calon yang mendorong ke arah pembinaan dan pengembangan sastera kebangsaan (jika ada).
4. Sasterawan yang dicalonkan hendaklah warganegara Malaysia dan menulis karya dalam bahasa Melayu.

Penyertaan:

Para pencalon boleh mendapatkan borang pencalonan daripada:

Urus Setia Anugerah Sastera Negara,
Bahagian Promosi dan Pengiktirafan,
Dewan Bahasa dan Pustaka, Aras 25, Menara DBP, Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.

Tel.: 03-21479133 Faks: 03-21479610 e-mel: asn@dbp.gov.my

(Borang pencalonan juga boleh diperolehi dengan melayari laman web: <http://lamanweb.dbp.gov.my/>)

Tarikh tutup pencalonan: 5 Mac 2018